



KETUA PENGARAH KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8870 8000 / 03-8870 8019

Faks : 03-8870 8004

Portal : [http :// www.maqis.gov.my](http://www.maqis.gov.my)

Ruj kami : MAQIS.800-1/1/2 Jld. 3 (8)

Tarikh : 12 Januari 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PENANGGUHAN KUTIPAN CAJ PERMIT BAGI KOMODITI PERTANIAN (TUMBUHAN & HASILAN TUMBUHAN, TANIH DAN MIKROORGANISMA)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berkuatkuasa **15 Januari 2026**, semua kutipan caj permit komoditi pertanian (tumbuhan & hasil tumbuhan, tanah dan mikroorganisma) berdasarkan bil 21, 22 dan 23, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Fi dan Caj) 2013, [PU(A)115/2013] **adalah ditangguhkan**. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Bil 3/ 2025.

3. Oleh itu, **kutipan caj permit komoditi pertanian (tumbuhan) sebanyak RM15.00/ permit tidak akan dikenakan melalui sistem ePermit**. Namun demikian, permit PIA MAQIS/ DOA dan MAQIS/ JPK berkenaan masih dikeluarkan di bawah kawalan MAQIS dan permit masih diperlukan untuk sebarang aktiviti pengimportan dan pengeksporan komoditi pertanian jika keperluan permit telah dinyatakan melalui Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import/Eksport) 2023.

4. Sehubungan dengan itu juga, pihak tuan adalah disarankan agar **meluluskan semua permohonan permit pada 14 Januari 2026 (Rabu) selewat-lewatnya sebelum 5.30 petang**. Langkah ini bertujuan bagi memastikan semua permohonan permit yang dikemukakan pada tarikh berkenaan dapat diluluskan sebelum kerja-kerja penyelenggaraan sistem dilaksanakan.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)

s.k

- i. Timbalan Ketua Pengarah MAQIS
- ii. Semua Pengarah Bahagian dan Ketua Unit MAQIS

Ruj kami
Tarikh

: MAQIS.800-1/1/2 Jld. 3 (8)
: 12 Januari 2026

SENARAI EDARAN:

1. **DAGANG NET TECHNOLOGIES SDN. BHD.**
Dagang Net Tower, Block 10 (A&B)
Corporate Park, Star Central,
Lingkar Cyberpoint Timur,
Cyber 12, Sepang,
63000, Cyberjaya.
2. **Pengarah MAQIS Negeri Selangor**
3. **Pengarah MAQIS Negeri Johor**
4. **Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang**
5. **Pengarah MAQIS Negeri Kelantan**
6. **Pengarah MAQIS Negeri Kedah**
7. **Pengarah MAQIS Negeri Perlis**
8. **Pengarah MAQIS Negeri Perak**
9. **Pengarah MAQIS Negeri Pahang/ Terengganu**
10. **Pengarah MAQIS WP Labuan**
11. **Pengarah MAQIS Negeri Melaka/ N. Sembilan**